

## **ANALISIS KESELAMATAN SIBER DARI PERSPEKTIF PERSEKITARAN SOSIAL: KAJIAN TERHADAP PENGGUNA INTERNET DI LEMBAH KLANG**

*(Analysis of Cyber Security from the Perspective of Social Environment: A Study of Internet Users in Klang Valley)*

Muhammad Adnan Pitchan, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Akmar Hayati Ahmad Ghazali

### **ABSTRAK**

Ancaman siber bukan sesuatu isu yang baru di Malaysia tetapi isu ini perlu diberi perhatian yang serius daripada semua pihak kerana ia boleh membawa kerugian yang sangat besar kepada seseorang. Faktor kurangnya kefahaman mengenai keselamatan siber dalam kalangan pengguna Internet menyebabkan ramai rakyat di negara ini menjadi mangsa sindiket jenayah siber. Tambahan pula, masih ramai dalam kalangan pengguna Internet telah mengabaikan prinsip-prinsip keselamatan dalam Internet dan menganggap ia sebagai satu perkara yang remeh. Amalan keselamatan siber seseorang individu bergantung kepada faktor-faktor persekitaran sosial. Justeru, kajian ini menganalisis faktor persekitaran sosial terhadap keselamatan siber pengguna Internet di mana lima faktor telah dilihat iaitu didikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan tempat kerja, peranan media massa dan polisi kerajaan. Kajian ini juga memilih penyelidikan kualitatif dengan menggunakan teknik kumpulan fokus yang terdiri daripada 35 orang informan yang mempunyai pengalaman dalam menggunakan Internet. Antara hasil kajian yang menarik ialah rata-rata ibu bapa informan kajian memainkan peranan dan membuat pemantauan terhadap anak-anak mereka di talian seperti mewujudkan Facebook khas untuk tujuan pemantauan tersebut. Selain itu, para informan kajian turut bersetuju kerajaan melaksanakan polisi pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia oleh individu yang menjual barangan secara talian dan juga kewujudan mahkamah siber di Malaysia.

Kata Kunci : Keselamatan siber, pengguna Internet, didikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan tempat kerja, peranan media massa, polisi kerajaan

### **ABSTRACT**

*Cyber threats are not a new issue in Malaysia however this needs to be taken seriously from all parties as it can bring a huge loss to individuals. The lack of understanding of cyber security among Internet users has caused many people in the country to become victims of cyber crime syndicates. Furthermore, many Internet users have ignored the principles of internet safety and consider it as a fiddling matter. Individual cyber securities practices are based on their social environment factors. Thus, this study analyses the social environment factors for cyber security of Internet users, of which five factors has been taken into consideration, namely, parental guidance, peer-to-peer influences, workplace roles, mass media roles and government policies. Using focus group technique consisting of 35 informants with experience in using the Internet, qualitative research has been choosing for this study. Among findings from this study is that on*

*average the informant's parents are playing good role and monitor their children online activities such as creating a special Facebook for monitoring purpose. Besides that, the study's informants are agreed with the government policies to require all online sellers to register their business activities at Companies Commission of Malaysia and also setting-up the cyber court in Malaysia.*

*Keyword: Cyber security, Internet users, parental guidance, peer influences, workplace roles, mass media roles, government policies*

## **PENGENALAN**

Internet merupakan media global yang berkuasa dan sangat berpotensi untuk menguasai seluruh dunia ini. Kewujudan Internet memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia komunikasi dan maklumat. Hal ini kerana Internet digunakan sebagai medium untuk penyampaian dan memperolehi maklumat. Kemunculan Internet ini turut membolehkan manusia menikmati dua alam dalam kehidupan mereka iaitu alam nyata dan alam maya. Dengan adanya enjin pencarian seperti Google, Yahoo, Bing, dan laman perkongsian video seperti youtube menyebabkan kini segala maklumat di hujung jari manusia. Dalam dunia siber yang semakin berkembang sudah semestinya ia turut membawa kesan-kesan negatif kepada pengguna Internet seperti jenayah siber.

Sebagai contoh, berdasarkan laporan statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia PDRM, kes mengenai penipuan cinta siber atau lebih dikenali sebagai *African Scam* berada dalam keadaan membimbangkan. Angka kes penipuan ini meningkat pada tahun 2013 di mana kes yang dilaporkan adalah sebanyak 1095 kes berbanding hanya 814 kes pada tahun 2012. Selain itu, Mohd Roslan (2014), berpandangan bahawa baru-baru ini Malaysia digemparkan dengan suatu insiden penangkapan seorang remaja lelaki berusia 18 tahun kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987 di mana remaja tersebut memuat naik dan turun muzik tempatan dan filem antarabangsa tanpa kebenaran pemiliknya. Antara filem yang dimuat naik adalah seperti *Gravity, Pacific Rim, 47 Ronin, The Hangover 3, We Are The Millers, The Hobbit: The Desolation of Smaug, Ride Along* dan *The Wolverine*. Selain itu, menurut Marimuthu (2016) kes penipuan pembelian barangan secara online juga adalah paling tinggi bagi tahun 2015 dengan mencatatkan kerugian melebihi RM4.9 juta di mana antara sektor yang terlibat ialah seperti automobil, perumahan dan pelancongan.

Justeru, hal sebegini perlu dibendung di peringkat awal supaya ia tidak memberi kesan yang besar kepada negara. Dalam konteks ini elemen penerapan keselamatan siber dalam kalangan pengguna Internet adalah amat penting. Secara umumnya, keselamatan siber merujuk kepada bagaimana pengguna Internet menggunakan medium Internet secara positif dan selamat serta melindungi diri mereka daripada ancaman siber. Walau bagaimanapun, keberkesanan keselamatan siber pengguna Internet bergantung kepada faktor persekitaran sosial. Ibu bapa adalah agen utama dalam memberi kesedaran mengenai keselamatan siber kepada anak-anak. Hal ini kerana pembentukan tingkah laku seorang kanak-kanak bermula di peringkat rumah. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam mendidik anak-anak supaya mereka menjadi insan yang berguna dan berjaya di dalam kehidupan. Dari sudut lain pula, bagi anak-anak, ibu bapa sentiasa menjadi idola kepada mereka. Tambahan pula, segala perbuatan ibu bapa

menjadi ikutan kepada seseorang anak-anak. Hal ini sama juga dalam konteks keselamatan siber, ibu bapa seharusnya mengajar anak-anak mereka baik dan buruk mengenai dunia alam maya. Persoalannya, adakah ibu bapa melaksanakan tanggungjawab mereka ke atas anak-anak? Sejauhmana ibu bapa dapat memantau aktiviti talian anak-anak mereka?

Tambahan pula, rakan sebaya sebagai agen sosialisasi juga amat penting dalam mempertingkatkan tahap kesedaran dan amalan keselamatan siber dalam kalangan pengguna. Seseorang individu akan berasakan lebih seronok bersama dengan rakan-rakan kerana mereka boleh menikmati aktiviti melepak, bergossip, berjenak dan sebagainya. Dalam proses pembesaran seorang kanak-kanak kepada peringkat remaja, moral dan aktiviti yang diajar oleh ibu bapa akan dipengaruhi oleh rakan sebaya. Justeru pemilihan rakan sebaya adalah penting dalam proses pembentukan diri seseorang individu. Menurut Jas Laile (2008) rakan sebaya memainkan fungsi sebagai pengganti keluarga. Hal ini kerana, apabila ibu bapa bersibuk dengan urusan kerja maka anak-anak akan mencari rakan sebaya untuk bertanya dan membincang mengenai sesuatu hal. Selain itu, menurut beliau rakan sebaya juga berfungsi sebagai kumpulan rujukan di mana dalam proses pembesaran seseorang kanak-kanak atau remaja sering membandingkan diri mereka dengan rakan sebaya dan pada satu tahap kanak-kanak atau remaja akan mengubah tingkah laku mereka seiring dengan rakan sebaya. Tambahan pula, rakan sebaya juga selalu menjadi kaunselor kepada seseorang di mana mereka adalah tempat meminta pandangan dan nasihat mengenai sesuatu perkara. Dalam konteks keselamatan siber, rakan sebaya seharusnya dijadikan sebagai platform untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai keselamatan siber. Hal ini kerana mereka berpeluang untuk berkongsi, menasihati dan membual sesama mereka mengenai aspek keselamatan siber seperti nasihat mengenai penggunaan antivirus, penyebaran maklumat palsu dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kini menjadi persoalan sejauhmanakah rakan sebaya ini memainkan peranan dalam memberi kesedaran mengenai keselamatan siber? Adakah peluang rakan sebaya ini digunakan secara maksimum oleh pengguna Internet untuk meningkatkan tahap keselamatan siber mereka?

Selain dua elemen di atas, peranan tempat kerja, media massa dan polisi kerajaan juga turut memberi kesan kepada tahap keselamatan siber dalam kalangan pengguna Internet. Hal ini kerana, selain usaha daripada pihak kerajaan, entiti lain seperti majikan juga perlu memberi pendedahan mengenai keselamatan siber kepada pekerja mereka. Pendedahan ini amat perlu kerana kes jenayah siber boleh berlaku di mana-mana tanpa mengira individu, organisasi dan tempat. Tambahan pula, sejauhmanakah media massa kini telah memberi fokus kepada isu-isu yang melibatkan jenayah siber telah menjadi satu persoalan. Media massa di Malaysia seharusnya digunakan sebaik mungkin dalam memberi kesedaran keselamatan siber kepada pengguna Internet. Seterusnya, bagi sesebuah negara membangun seperti Malaysia polisi kerajaan juga amat memainkan peranan dalam membawa negara ke arah kemajuan. Umumnya polisi kerajaan merujuk kepada satu garis panduan dan perancangan kerajaan terhadap sesuatu isu yang mempunyai matlamat dan nilai yang jelas bagi jangka masa yang panjang. Selain itu, polisi kerajaan dibentuk secara komprehensif dengan mengambil kira pelbagai pandangan dan aspek seharusnya disokong untuk kebaikan bersama. Justeru kerajaan telah mencadangkan beberapa polisi kerajaan yang berkaitan dengan keselamatan siber seperti penjual online secara persendirian perlu mendaftarkan diri kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), kewujudan silibus pendidikan keselamatan siber dan kewujudan mahkamah siber. Persoalannya, adakah polisi kerajaan ini diterima dan relevan dalam kalangan pengguna Internet? Justeru bagi

mengetahui persoalan-persoalan di atas, maka kajian ini berobjektif untuk menganalisis persekitaran sosial terhadap amalan keselamatan siber

## **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pilihan penyelidikan kualitatif dengan menggunakan teknik kumpulan fokus. Dalam kajian ini, kumpulan fokus telah dijalankan ke atas pengguna Internet yang terdiri daripada golongan remaja dan dewasa di sekitar kawasan Lembah Klang yang terpilih iaitu Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Shah Alam dan Klang. Kaedah ini sesuai untuk mendapatkan dan menerokai persekitaran sosial terhadap amalan keselamatan siber dalam kalangan pengguna Internet. Jumlah informan kumpulan fokus yang terlibat adalah seramai 35 orang dan satu kumpulan terdiri daripada 7 orang informan. Bagi kategori informan remaja, kumpulan fokus dijalankan dalam tiga kumpulan manakala bagi dewasa dalam dua kumpulan. Dari segi pecahan bilangan informan pula, informan remaja adalah seramai 21 orang manakala dewasa adalah seramai 14 orang. Tujuan pemilihan jumlah informan remaja lebih ramai berbanding dewasa adalah, menurut Mohd Dahlan (2010) remaja kurang matang dalam memahami kesan daripada aktiviti siber dan mudah terjebak ke dalam aktiviti jenayah siber. Selain itu, menurut Mohd Azam (2013) secara purata remaja di Malaysia menghabiskan 19 jam seminggu dan 76 jam sebulan bagi melayari Internet. Berdasarkan pandangan ini, kajian telah melebihkan pengguna Internet dalam kalangan remaja berbanding golongan dewasa. Dari segi umur pula, remaja yang dipilih adalah antara 18 hingga 25 tahun dan hal ini kerana menurut pandangan Normah Mustaffa (2013) remaja adalah terdiri dari lingkungan umur di antara 18 hingga 25 tahun. Manakala menurut pandangan Hurlock (2013) umur dewasa adalah di antara lingkungan 26-40 tahun. Oleh itu, umur dewasa dalam kajian ini adalah dari umur 26 hingga 35 tahun. Analisis kajian pula dijalankan dari segi tema didikan ibu bapa, pengaruh raka sebaya, peranan tempat kerja, peranan media massa dan polisi kerajaan.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Profil Informan**

Dalam kajian ini seramai 15 orang lelaki dan 20 orang perempuan telah mengambil bahagian secara berkumpulan. Dari segi taburan bangsa pula, kaum Melayu mempunyai catatan peratusan yang tertinggi iaitu 57.1% diikuti oleh kaum Cina 28.6% dan kaum India seramai sebanyak 14.3%. Dari skop status pekerjaan pula, sebanyak 45.7% informan bekerja di swasta diikuti 20.0% adalah informan bekerja sendiri, 17.1% informan bekerja di kerajaan dan 17.1% informan adalah pelajar. Rata-rata informan kajian mempunyai tahap pendidikan tertinggi ialah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu sebanyak 37.1% manakala Sijil dan Diploma pula masing-masing mempunyai 20.0% dan hanya 11.4% sahaja mempunyai tahap pendidikan di peringkat Sarajanamuda dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

### **Didikan Ibu Bapa**

Bagi melihat faktor didikan ibu bapa maka soalan ini telah diajukan kepada para informan kajian. Hasilnya mendapati kebanyakan ibu bapa informan memainkan peranan dalam mendidik anak-anak mengenai amalan keselamatan siber. Hal ini kerana ibu bapa informan turut

mempelajari kemahiran menggunakan Internet dan memiliki akaun media sosial. Hal ini menunjukkan rata-rata ibu bapa informan mempunyai akaun media sosial seperti Facebook. Antara tujuannya ialah bagi memantau aktiviti anak-anak mereka dalam media sosial. Dapatan juga menunjukkan ibu bapa sentiasa memberi teguran kepada anak-anak sekiranya mereka berkongsi sesuatu status atau gambar yang tidak baik di media sosial. Hal ini telah jelas bahawa antara kaedah pemantauan yang digunakan oleh para ibu bapa ialah seperti memberi teguran di media sosial anak-anak. Selain itu, terdapat juga ibu bapa yang sanggup membuka akaun Facebook yang baru untuk memantau aktiviti anak-anak mereka di Facebook. Hal ini disokong oleh kenyataan para informan kajian seperti berikut;

*...mak saya ada Facebook...masa itu saya post gambar yang tak berapa elok, so kena tegur dengan mak, so delete lah gambar tu*

*...parents saya dua-dua ada Facebook, biasa mereka komen dekat gambar-gambar....kena tegur itu perkara biasa. Hahahaa*

*...masa awal-awal Internet dulu pakai modem kan, so selalunya ada time untuk kami nak melayari Internet, macam mak saya buat fake account untuk pantau kami di Facebook.*

*...ya mak ayah ada Facebook sebab diorg kata nak tengok apa kita orang buat dekat Facebook, hahahah*

*...mak saya sangat particular kalau saya share apa-apa mesti dia akan komen....ah'ah ada Facebook*

Selain di atas, informan berstatus ibu bapa turut berkongsi perkara yang sama di mana informan juga akan membuat pemantauan terhadap aktiviti anak-anak mereka di media sosial mahu pun di Internet. Tambahan pula, terdapat juga informan tidak memberikan telefon bimbit kepada anak-anak sebagai satu langkah pengawalan terhadap anak-anak beliau. Hal ini boleh dilihat seperti berikut;

*...macam saya anak dah besar dan di sekolah pun belajar tentang semua tu, dan saya akan selalu perhatikan lah apa yang mereka lakukan...mereka akan search apa yang mereka suka tengok*

*...anak-anak saya masih darjah lagi tapi yang sulung tu dah pandai guna ipad, telefon semua.. kadang saya tengok-tengok juga lah apa yang dia buat*

*...saya sendiri saya tak bagi handphone kepada anak saya sampai sekarang so anak saya takde phone so all their friend dah ada phone anak saya, saya tak bagi handphone they want to contact kawan-kawan dia semua ada phone so dia use my phone*

Seterusnya, kajian juga mendapati kebanyakan informan menyatakan ibu bapa sebagai ejen utama perlu mengajar, mengawal dan membuat aktiviti pemantauan terhadap anak-anak mereka di Internet. Sebagai contoh, salah seorang informan berstatus seorang ayah menyatakan ibu bapa juga perlu mengajar anak-anak mereka mengenai seksualiti. Hal ini kerana berdasarkan

kenyataan beliau telah melahirkan rasa kebimbangan sekiranya anak-anak melayari laman sesawang negatif seperti pornografi. Tambahan pula, beliau juga pernah bertegas dengan ibu bapa yang tidak mengambil tahu aktiviti anak-anak mereka di talian dan hal ini menunjukkan peranan ibu bapa dalam pemantauan anak-anak amat perlu dan penting. Ia disokong oleh kenyataan para informan seperti berikut;

*...sekarang memang banyak benda di Internet dan ibu bapa kena ajar anak-anak especially dari segi seksualiti semua tu sebab saya pernah encounter ibu bapa yang tak particular apa yang anak tengok sebab children with special need so mereka ini memerlukan pemantauan yang lebih*

*...parents must to know, you need to teach your kids to give the access to the Internet that is something that you need to do la.*

*...ibu bapa, kena kawal lah anak anak. Kena ada kawalan kalau nak bagi anak- anak gunakan aplikasi. Terangkan dekat dia apa baik dan apa buruk yang akan dia terima kalau dia buat sesuatu.*

Selain itu, kebimbangan mengenai kekurangan kemahiran ibu bapa dalam dunia ICT, kini tidak menjadi satu halangan dalam mendidik anak-anak mengenai keselamatan siber. Hal ini kerana, ibu bapa tidak boleh beranggapan bahawa didikan anak-anak di dunia nyata berbeza dengan di dunia alam maya. Dalam proses perkembangan awal anak-anak, mereka memerlukan tunjuk ajaran daripada ibu bapa supaya anak-anak boleh mengetahui perkara yang baik dan buruk. Sebagai contoh, dalam realiti kehidupan, ibu bapa akan mengajar anak-anak cara-cara melintas jalan raya dengan selamat seperti perlu melihat kiri dan kanan sebelum melintas jalan raya. Selain itu, dari segi berkawan pula, ibu bapa akan mengajar dan menasihatkan anak-anak supaya memilih kawan yang baik di samping jangan bercakap dengan individu yang tidak dikenali. Dengan menggunakan teknik yang sama ibu bapa boleh mengajar anak-anak mengenai keselamatan siber di alam maya. Hal ini kerana, isu keselamatan siber bukan merupakan isu teknikal malah ia adalah isu kemanusiaan yang memerlukan perhatian. Sebagai contoh, ibu bapa perlu mengingatkan anak-anak berfikir dahulu sebelum membuat sesuatu perkara di alam maya dan ia sama seperti konsep melintas jalan raya di dunia nyata. Selain itu, di media sosial pula, ibu bapa perlu menasihatkan anak-anak dengan konsep yang sama iaitu jangan bersembang dengan individu yang tidak dikenali di media sosial dan sebagainya. Di samping itu, ibu bapa perlu menanyakan beberapa soalan pada diri mereka sebelum mendidik anak-anak seperti kenapa saya perlu membenarkan anak saya mempunyai media sosial?; pada umur berapakan saya harus memberikan telefon pintar kepada anak saya? dan sebagainya.

Selain daripada itu, dalam mendidik anak-anak mengenai amalan keselamatan siber, ibu bapa perlu meletakkan elemen kepercayaan kepada anak-anak. Hal ini bermaksud kawalan yang terlalu ketat daripada ibu bapa menyebabkan anak-anak mula berasa tidak selesa dengan ibu bapa dan akan mencari alternatif lain untuk mengetahui sesuatu perkara. Dengan adanya elemen kepercayaan ibu bapa terhadap anak-anak, secara tidak langsung ia memudahkan proses komunikasi di antara ibu bapa dengan anak-anak. Hal ini bermaksud anak-anak akan berasa lebih selesa dengan ibu bapa dan akan berkongsi segala aktiviti siber mereka kepada ibu bapa. Ini secara langsung ibu bapa boleh mengetahui aktiviti anak-anak mereka di alam siber terutama di media sosial. Di samping memberi kepercayaan kepada anak-anak, ibu bapa tetap

bertanggungjawab untuk mengetahui segala aktiviti anak-anak di media sosial. Hal ini bermaksud kepercayaan yang diberikan bukan sepenuhnya tetapi dengan kawalan pemantauan ibu bapa secara berkala. Selain itu, hasil kajian juga mendapati terdapat beberapa amalan terbaik yang boleh diamalkan oleh para ibu bapa. Antaranya adalah ibu bapa perlu mengetahui apakah aplikasi yang sering digunakan oleh anak-anak mereka. Hal ini disokong oleh informan seperti berikut;

*...mereka kena ambil tahu apakah online aktiviti yang anak-anak mereka buat supaya ibu bapa ini boleh tahu kenapa mereka menggunakan sebahagian aplikasi itu dengan kerap. Contohnya kenapa anak aku ni suka sangat pakai application Facebook, Snapchat, Tumblr, Beetalk, Smule dan sebagainya.*

Berdasarkan kenyataan di atas, secara umum, seseorang individu akan menggunakan sesuatu aplikasi dengan kerap apabila beliau memperoleh rasa kepuasan dan keseronokan daripada penggunaan aplikasi tersebut. Justeru, melalui hal ini ibu bapa berpeluang untuk mengetahui aktiviti anak-anak mereka melalui sesuatu aplikasi berkenaan. Sebagai contoh apabila seorang anak kerap menggunakan aplikasi Smule maka ibu bapa perlu memberi perhatian dan mengetahui apakah aktiviti anak mereka di Smule. Secara umum, aplikasi Smule diwujudkan untuk golongan yang suka bernyanyi dan berkongsi aksi berkaraoke mereka kepada orang lain melalui aplikasi berkenaan. Di dalam kebaikan penggunaan aplikasi Smule ini ia juga mempunyai peluang untuk disalah gunakan. Hal ini kerana sejak kebelakangan ini beberapa video Smule yang telah dimuat naik di dalam YouTube dan rata-rata video Smule berkenaan menunjukkan aksi yang tidak senonoh oleh penyanyi-penyanyi video Smule.

Selain itu, kajian juga menunjukkan ibu bapa juga tidak digalakkan menggunakan teknik melarang kepada anak-anak dalam proses mendidik di samping mengambil tahu perubahan psikologi anak-anak. Hal ini kerana anak-anak generasi sekarang lebih menyukai sesuatu perkara yang dilarang oleh ibu bapa. Sebagai contoh dalam isu melayari pornografi, ibu bapa tidak boleh menggunakan pendekatan melarang kepada anak-anak tanpa ada sebarang penjelasan kerana ini akan menyebabkan anak-anak lebih teruja untuk mengetahui perkara tersebut. Hal ini juga akan menyebabkan anak-anak akan mencari alternatif lain seperti melayari pornografi semasa ketiadaan ibu bapa atau di kafe siber. Justeru, ibu bapa perlu menggunakan pendekatan berkawan dan menjelaskan baik buruknya sesuatu perkara dan ini menyebabkan anak-anak akan berfikir sebelum membuat sesuatu di alam siber.

Selain itu, konsep penggunaan Internet berdasarkan pengurusan masa tidak relevan lagi diamalkan oleh para ibu bapa. Sebagai contoh ibu bapa membenarkan anak-anak mereka menggunakan Internet hanya dua jam sehari. Konsep ini tidak relevan lagi kerana Internet merupakan medium komunikasi dua hala bukan seperti TV dan radio lebih kepada komunikasi sehalu. Anak-anak lebih menyukai Internet seperti media sosial kerana ia berbentuk komunikasi dua hala di mana mereka boleh menerima maklumat dan masa yang sama boleh memberi maklumat. Sudah tentu media sosial ini lebih menarik berbanding media lain. Justeru teknik perjanjian antara ibu bapa dengan anak-anak serta pemberian garis panduan mengenai keselamatan Internet oleh ibu bapa lebih sesuai berbanding kaedah lain. Hal ini bermaksud ibu bapa perlu menetapkan kontrak atau perjanjian garis panduan dengan anak-anak mereka ketika memberikan telefon pintar atau gadget-gadget elektronik. Hal ini secara langsung memudahkan

urusan pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak mereka dalam dunia Internet di samping memberi didikan yang baik. Ini disokong oleh kenyataan para informan seperti berikut;

*...banyak parents sekarang disiplin anak mereka dengan menggunakan strategik time management. Contoh, guna Internet 2 jam sehari. Macam dulu lah...tengok TV dua jam je atau pun habis kerja sekolah baru boleh tengok TV.Strategik ini tidak sesuai sebab Internet two way communication...kita masih guna media guidelines yang lama*

*...kadang parents rasa tak ada masa untuk meluangkan bersama anak sebab kerja so mereka menunjukkan kasih sayang mereka melalui memberi apa yang anak minta. So, masa bagi tak ada apa-apa kontrak. Contoh ok im give you the handphone but this is set of guideline, you don't follow this guideline I take back the phone, so technology is given to children without any guidelines*

### **Pengaruh Rakan Sebaya**

Bagi faktor rakan sebaya pula, tiga aspek telah diajukan kepada para informan iaitu nasihat mengenai penggunaan antivirus, sumber penyebaran mesej serta perkongsian mengenai aktiviti keselamatan siber. Kajian mendapati rata-rata informan menyatakan mereka tidak mendapat nasihat daripada kawan-kawan mengenai penggunaan perisian keselamatan di dalam komputer riba atau komputer seperti antivirus. Hal ini kerana kawan-kawan informan juga tidak mengambil kisah sama ada para informan kajian menggunakan antivirus mahupun tidak. Ini disokong oleh kenyataan para informan seperti berikut;

*...tak ada dia syorkan saya guna antivirus ke apa*

*...kawan saya pun sama tak pernah nasihatkan suruh pakai antivirus*

Selain itu, hasil kajian menunjukkan rata-rata kawan informan tidak menanyakan sumber kepada informan apabila informan kajian berkongsi sesuatu maklumat melalui kumpulan WhatsApp yang tidak mempunyai sumber kesahihan. Selain itu, informan turut menyatakan mereka juga tidak pernah ditegur oleh kawan-kawan sekiranya mereka menyatakan sesuatu atau berkongsi maklumat yang boleh menimbulkan kontroversi di media sosial. Hal ini secara langsung menunjukkan tiada peranan kawan-kawan dalam aspek keselamatan penyebaran sesuatu berita. Hal ini boleh dilihat melalui kenyataan para informan berikut;

*...tak pernah nasihat pun...kadang kalau saya post apa-apa diorang pun like  
...so far tak ada pula tanya pasal sumber ke apa*

*...tak pernah..lagi pun diorang yang biasa share maklumat yang tak ada sumber...kadang saya yang tanya diorang balik mana sumber..hahah*

Tambahan pula, rata-rata informan menyatakan mereka tidak pernah berkongsi cerita mengenai aktiviti keselamatan siber dalam kalangan rakan-rakan mereka. Hal ini kerana informan menyatakan isu keselamatan siber bukan tajuk yang sesuai dan tiada berkaitan dengan mereka berbanding isu berkaitan dengan membeli belah, pembelajaran dan juga permainan.



## Peranan Tempat kerja

Dalam mempertingkatkan kesedaran dan amalan pengguna Internet terhadap keselamatan siber, tempat kerja turut memainkan peranan yang penting. Oleh itu, sejauhmana informan kajian didedahkan mengenai aspek keselamatan siber oleh pihak majikan, hasil kajian mendapati rata-rata informan menyatakan mereka tidak didedahkan mengenai sebarang aktiviti keselamatan siber di tempat kerja. Antara sebab utama tidak didedahkan ialah kerana ia tidak berkaitan dengan urusan kerja para informan. Ia dibuktikan seperti kenyataan para informan berikut;

*...macam saya kerja di company yang mengeluarkan plastik kan, so memang tak ada company buat kursus-kursus pasal keselamatan siber ke apa*

*...buat masa ini tak ada saya tengok. Lagi pun macam ni kot sebab benda ini tak ada kaitan dengan syarikat atau bidang kerja kami. Contoh, saya jaga HR department, memang kerjanya kena jaga pekerja, pasal gaji semua*

*...hurmm tak ada kalau kursus atau latihan berkaitan dengan kerja ada lah*

*...untuk kursus etika media sosial ke apa tiada tetapi ada yang untuk pengetahuan tentang Integriti. Macam saya di Integriti department, program-program seperti bicara integriti, bengkel tentang integriti dan etika tu biasa ada ar...spesifik fokus pada siber ethics ke apa tak ada*

Berdasarkan kenyataan para informan di atas, pihak majikan tidak menyediakan aktiviti-aktiviti seperti ceramah, bengkel, kursus yang berkaitan dengan aspek keselamatan siber untuk pekerja. Walau bagaimanapun, ada informan turut menyatakan beliau hanya menerima peringatan melalui e-mel mengenai aktiviti spam. Justeru, tempat kerja perlu dijadikan sebagai platform untuk mendedahkan kepada pekerja mengenai aktiviti keselamatan siber. Hal ini kerana pihak majikan bukan sahaja perlu mengutamakan keselamatan pekerja secara fizikal malah turut memberi tumpuan keselamatan pekerja di alam siber. Selain itu, dengan adanya program kesedaran di syarikat-syarikat ia turut meningkatkan tahap pengetahuan pekerja mengenai keselamatan siber. Hal ini turut disokong oleh informan berikut;

*...bagi saya kena ada program kesedaran di peringkat company...memang benda ini tak ada kaitan dengan kerja kita seharian kan..tapi tak salah pun kalau company mengambil inisiatif untuk bagi knowledge kepada pekerja pasal keselamatan siber..talk pasal siber pun ok*

## Peranan Media Massa

Antara isu lain diutarakan oleh informan ialah mengenai peranan media massa dalam memberi kesedaran keselamatan siber dalam kalangan pengguna Internet. Hasil kajian mendapati kebanyakan informan menyatakan peranan media massa di Malaysia perlu dipertingkatkan lagi supaya masyarakat lebih jelas dan melihat tanggungjawab media dalam soal keselamatan siber. Hal ini kerana informan menyatakan tiada semua media di Malaysia memaparkan isu-isu mengenai soal keselamatan siber. Informan turut menyatakan media akhbar lebih bertanggungjawab dalam memaparkan isu-isu mengenai keselamatan siber berbanding media elektronik. Ada informan menyatakan beliau hanya melihat peranan media elektronik di dalam

TV1 berbanding media elektronik yang lain seperti TV3, TV9, TV8 dan sebagainya. Hal ini kerana TV1 biasa membuat liputan dan menyiarkan isu yang berkaitan dengan kesedaran dan amalan keselamatan siber di Malaysia. Hal ini disokong melalui kenyataan para informan seperti berikut;

*...peranan yang sedia ada ini kena dipertingkatkan lagi lah..kalau kita tengok biasanya pasal siber ni banyak di TV1. Saluran lain pun kena memainkan peranan..bukan harap pada TV1 je kan*

*...saya pun setuju...TV lain tak nampak diorang promote pasal keselamatan siber ini. Dalam paper biasa tengok mereka melaporkan pasal kes-kes siber*

*...hurmm peranan tu kena memperluaskan lagi kot, baru nampak peranan yang betul-betul ...dekat akhbar biasa saya baca berita-berita mengenai jenayah siber, macam dalam berita harian ke...di TV saya jarang tengok*

*...bagi saya media masa nie kurangnya peranan dia sebab dia just bagi tahu saje apa yang perlu buat, itu pun jarang-jarang kalau dekat media prima kita tengok*

*...kalau peranan di surat khabar macam berita harian nampak lah sebab berita harian biasa melapor mengenai kes-kes dakwaan pelanggaran atau fitnah siber*

Seterusnya, informan lain pula menyatakan media hanya melaporkan sahaja mengenai aspek keselamatan siber tetapi tiada inisiatif dari pihak media untuk mengadakan kempen atau program kesedaran keselamatan siber kepada pengguna Internet dan media hanya berfokus kepada program-program eksklusif seperti karnival jom heboh dan sebagainya. Tambahan pula, media juga hanya akan mencari agensi keselamatan siber apabila pihak media memerlukan bantuan daripada mereka. Hal ini boleh dilihat seperti kenyataan para informan berikut;

*...kalau macam saya kan kalau dalam berita tu kan dia akan selalu nasihatkan kita pasal langkah-langkah keselamatan tapi untuk pelaksanaan dari media itu sendiri takde so macam tak beri efect sangatlah...kena ada inisiatif dari media sendiri...karnival macam jom heboh boleh buat*

*...media only approach us when something that need expertise on*

Selain di atas, kebanyakan informan bersetuju bahawa media massa tidak memainkan peranan sepenuhnya dalam isu keselamatan siber dan hal ini kerana kebiasaannya media akan memilih isu yang terdapat nilai berita. Di samping itu, kerajaan perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk mendapatkan slot siaran atau iklan keselamatan siber di media elektronik dan sekiranya tidak membayar maka siaran atau iklan tersebut tidak dapat disiarkan di media berkenaan. Dalam hal ini, media perlu melihat soal keselamatan siber sebagai isu kemasyarakatan dan ia perlu dijadikan sebagai tanggungjawab sosial korporat media massa. Hal ini dinyatakan oleh para informan seperti berikut;

*...tak silap saya media ini kadang mereka memilih isu juga...kalau ada nilai baru mereka akan keluarkan. Bagi saya benda ini tak leh mcm tu ar..sebab media kena tengok isu keselamatan siber ini sebagai isu kemasyarakatan...so kena ada tanggungjawab bersama lah antara kerajaan dan pihak media. Kena ganding bahu bersama, baru boleh nampak hasil yang baik kan*

*...bagi saya belum mencukupi peranan media. Sebagai contoh, slot iklan di tv kerajaan membayar siaran tv untuk menayangkan iklan tersebut, jika kerajaan tidak bayar maka tv tidak akan menyiarkan iklan tersebut. So benda ini kena ubah...rasa tanggungjawab bersama tu tak ada*

*...pihak media choosy, dia akan pilih kes yang lebih melibatkan nilai yang besar dan juga kes yang berulang*

Oleh itu, media elektronik perlu memperuntukan siaran khas untuk isu keselamatan siber seumpama rancangan 999 di TV3 atau siaran di Selamat Pagi Malaysia atau Wanita Hari Ini. Selain itu, pihak media juga perlu mengeluarkan filem-filem atau drama yang berkaitan dengan keselamatan siber. Di samping boleh menggunakan cerita Upin dan Ipin untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak mengenai keselamatan siber. Tambahan pula, informan turut menyatakan pihak media perlu mengadakan kempen dan program kesedaran keselamatan siber dan hal ini kerana program anjuran media tidak memerlukan kos untuk penyiaran dan boleh menggunakan saluran masing-masing untuk menghebohkan dan mewar-warkan program berkenaan.

## **Polisi Kerajaan**

Bagi mengetahui maklum balas informan mengenai polisi kerajaan seperti pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia oleh individu yang menjual barangan secara online telah diajukan kepada informan kajian. Hasil dapatan menunjukkan rata-rata informan bersetuju untuk kerajaan melaksanakan polisi berkenaan. Hal ini kerana, informan menyatakan dengan adanya pendaftaran ini ia boleh melindungi hak pengguna secara langsung. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu menjelaskan dan memperhalusi pelaksanaan polisi ini dengan mengambil pelbagai faktor seperti pengenaan cukai dan sebagainya supaya ia tidak merugikan penjual yang menjual barangan secara persendirian. Hal ini disokong oleh kenyataan para informan kajian seperti berikut;

*...setuju sebab dia protect hak pembeli*

*...bagus sebab dapat menjaga keselamatan pengguna dan tak mudah kena tipu*

*...benda ini sebenarnya baik, sebab kalau kita tengok sekarang banyak juga kes penipuan online...cuma kerajaan kena perincikan lagi benda tu supaya ia tak mendatangkan kerugian kepada penjual online*

*...perlu mendaftarkan sebab kalau kita tengok tadi pun ramai kata beli dekat media sosial kan, so bahaya kalau kita tak tahu siapa penjual, so pendaftaran ini kalau apa-apa terjadi kita boleh senang nk trace*

*...saya setuju kalau kerajaan nak buat tapi kena ada penerangan yang lebih jelas dari kerajaan macam cukai, siapa je yang kena bayar, macam tu lah*

Selain itu, rata-rata informan kajian menyatakan tidak perlu mewujudkan silibus khas mengenai keselamatan siber. Hal ini kerana informan menyatakan kerajaan telah memperkenalkan subjek Teknologi Maklumat dan Komunikasi seperti di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, informan turut menyatakan kerajaan perlu menambahbaik subjek berkenaan dengan memasukkan sekali aspek keselamatan siber. Di samping itu, informan menyatakan aspek keselamatan boleh diajar melalui subjek-subjek yang sedia ada. Sebagai contoh, di bawah subjek Bahasa Melayu, pelajar boleh diberikan karangan yang bertajuk keselamatan siber. Selain itu, tajuk keselamatan siber juga boleh dijadikan sebagai perbincangan di dalam kelas atau melalui pertandingan seperti pidato serta minggu kesedaran keselamatan siber. Hal ini dibuktikan melalui kenyataan para informan kajian berikut;

*...sudah ada pasal silibus komputer, tapi kena tambah baik lah supaya dapat tahu lebih details tentang cara perlindungan diri di Internet*

*...tak perlu nanti tambah beban pelajar...mungkin boleh sekalikan dengan silibus sedia ada*

*...saya rasa tak perlu mungkin dalam aspek siber tu kita boleh masukan dalam pendidikan sivik kita boleh selitkan sebagai tambah lagi satu subjek macam tak sesuaikan melibatkan guru lagi apa semua kita selitkan saja atau pun dalam sekolah kita buat satu minggu kesedaran siber itu macam lebih*

*...tidak perlu. Cuma boleh masukkan dalam subtopik penggunaan komputer...silibus penggunaan komputer tidak perlu yang panjang untuk pelajar dan pelbagaikan silibus itu dengan masuk aspek keselamatan siber*

Selain isu tersebut, pada 1 September 2016 kerajaan telah mewujudkan mahkamah khas siber yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh itu, isu mengenai penubuhan mahkamah khas siber turut diajukan kepada informan kajian. Hasil kajian mendapati rata-rata informan bersetuju dengan penubuhan mahkamah khas siber disebabkan oleh peningkatan kes jenayah siber di Malaysia. Selain itu, informan juga turut menyatakan dengan adanya mahkamah khas siber ini ia memudahkan proses perbicaraan berjalan dengan lancar dan cepat. Tambahan pula, informan turut menyatakan dengan adanya mahkamah ini pihak hakim dan peguam boleh mendalami isu-isu teknikal dan ia memudahkan proses pendakwaan. Walau bagaimanapun, penubuhan ini memerlukan kapasiti, logistik, sumber dan sebagainya. Hal ini boleh dilihat berdasarkan kenyataan para informan berikut;

*...yang ini perlu tengok untuk jangka panjang lah. Kita pun tak tahu macam mana perkembangan Internet 10 tahun akan datang. Mesti banyak lagi isu jenayah siber, so mahkamah ini memang bagus lah*

*...sangat perlu sekarang sebab kita senang nak fokus kes by kes...dan satu lagi kes boleh diselesaikan dengan segera*

...bagi saya mahkamah ini penting untuk membentaras jenayah siber dan kawalan siber

...since kes banyak pasal siber kita memang kena ada mahkamah siber.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian yang dijalankan telah mengenengahkan beberapa faktor persekitaran sosial yang berkaitan dengan keselamatan siber seperti didikan ibu bapa, rakan sebaya, peranan tempat kerja, peranan media massa dan polisi kerajaan. Secara keseluruhan, terdapat peranan ibu bapa dalam memberi didikan mengenai keselamatan siber kepada anak-anak mereka. Justeru, ibu bapa juga perlu meneruskan usaha pemantauan ini agar anak-anak sentiasa selamat di dalam dunia maya. Selain itu, kawan-kawan informan perlu memainkan peranan dalam membantu informan untuk mempertingkatkan tentang amalan keselamatan siber. Hal ini kerana kebanyakan kawan-kawan informan kajian tidak mengambil tahu sumber perkongsian sesuatu maklumat oleh para informan selain kawan-kawan juga tidak pernah menasihati informan jika mereka berkongsi maklumat yang salah atau berkontroversi di media sosial informan kajian. Seterusnya, pihak majikan juga perlu menyediakan kursus, aktiviti atau program yang berkaitan amalan keselamatan siber kepada para pekerja agar pekerja mereka memperoleh ilmu keselamatan siber dan dapat melindungi diri dan harta daripada ancaman siber. Dari sudut lain pula, media massa perlu mempertingkatkan peranan mereka dan menjadikan isu keselamatan siber sebagai isu kemasyarakatan di samping sebagai tanggungjawab sosial korporat media massa. Seterusnya, polisi kerajaan seperti pendaftaran oleh penjual talian barangan secara bersendirian dan kewujudan mahkamah siber turut membantu pengguna Internet berasa selamat dan polisi begini perlu diteruskan oleh pihak kerajaan.

## RUJUKAN

- CyberSecurity Malaysia. (2014). CyberSecurity Malaysia lancar buku panduan tangani insiden buli siber. Diambil Julai 5, 2017, daripada [http://www.cybersecurity.my/data/content\\_files/44/1242.pdf](http://www.cybersecurity.my/data/content_files/44/1242.pdf).
- CyberSecurity Malaysia. (2016). MyCERT incident statistics. Diambil Julai 5, 2017, daripada <https://www.mycert.org.my/statistics/2016.php>.
- Hurlock, E. B. (2013). *Child Growth and Development*. New York: McGraw-hill, Inc.
- Jas Laile. (2008). *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan remaja*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn Bhd.
- Marimuthu. (2016). Pembelian secara online catat kes penipuan paling tinggi pada 2015. Diambil Julai 5, 2017, daripada <http://www.nccc.org.my/v2/index.php/component/content/article/1763-pembelian-secara-online-catat-kes-penipuan-paling-tinggi-pada-2015>.
- Mohd Azam. (2013). Corak jenayah siber sentiasa berubah. Diambil Julai 5, 2017, daripada [http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/Corakjenayahsibersentiasaberubah/Article/article\\_print](http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/Corakjenayahsibersentiasaberubah/Article/article_print)

Mohd Dahlan, A.M. (2010). Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: cabaran dan realiti dunia siber. Diambil Jun 29, 2017, daripada [http:// eprints. ums. edu.my/117/1/CONF2010004.pdf](http://eprints.ums.edu.my/117/1/CONF2010004.pdf).

Mohd Roslan. (2014). KPDNKK tahan remaja 18 tahun muat turun muzik tanpa kebenaran. Diambil Julai 6, 2017, daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140527/je\\_02/KPDNKK-tahan-remaja-18-tahun-muat-turun-muzik-tanpa-kebenaran](http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140527/je_02/KPDNKK-tahan-remaja-18-tahun-muat-turun-muzik-tanpa-kebenaran).

Normah Mustafa. (2013). Kebergantungan Internet dan aktiviti online remaja di Lembah Kelang. *Jurnal Komunikasi*, 29(1), 199-212.

SKMM. (2012). Klik Dengan Bijak. Diambil Jun 26, 2017, daripada [http:// www.skmm.gov.my/Media/ Announcements/Klik- Dengan -Bijak.aspx? lang=ms-MY](http://www.skmm.gov.my/Media/Announcements/Klik-Dengan-Bijak.aspx?lang=ms-MY).

*Muhammad Adnan Pitchan<sup>1</sup>, Siti Zobidah Omar<sup>2</sup>, Jusang Bolong<sup>3</sup> & Akmar Hayati Ahmad Ghazali<sup>4</sup>*

*<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor  
E-mel: [adnan86@ukm.edu.my](mailto:adnan86@ukm.edu.my)*

*<sup>2</sup>Jabatan Komunikasi  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor  
E-mel: [zobidah@upm.edu.my](mailto:zobidah@upm.edu.my)*

*<sup>3</sup>Jabatan Komunikasi  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor  
E-mel: [jusang@upm.edu.my](mailto:jusang@upm.edu.my)*

*<sup>4</sup>Jabatan Komunikasi  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor  
E-mel: [akmar@upm.edu.my](mailto:akmar@upm.edu.my)*